

D764

R B857 BAH
MAHATHIR - TUNKU

ARAU, 27 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED HARIINI MELAHIRKAN RASA PENGHARGAAN KEPADA PARA PEMIMPIN KERAJAAN DULU DAN SEKARANG, TERMASUK BEKAS PERDANA MENTERI, TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA, YANG MENURUTNYA MEMPUYAI PANDANGAN JAUH DALAM MENGENDALIKAN PEMBANGUNAN DAN PENTADBIRAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA PANDANGAN JAUH TUNKU ITU DAPAT DILIHAT, ANTARA LAIN, KETIKA BELIAU MEMBELANJAKAN \$3 JUTA UNTUK MEMBINA STADIUM MERDEKA WALAUPUN PADA WAKTU ITU RAMAI YANG MENKRIKINYA KERANA KONONNYA MEMBAZIRKAN WANG NEGARA.

+TETAPI KINI STADIUM MERDEKA TIDAK DAPAT MENAMPUNG PENONTON YANG RAMAI. JIKA HENDAK DIBINA SEKARANG IA MEMERLUKAN BERATUS JUTA RINGGIT, + KATA PRESIDEN UMNO ITU KETIKA BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN ARAU, DI SINI PETANG INI.

+KITA BERTERIMA KASIH KEPADA TUNKU. APA YANG BAIK HARUS KITA AKUI YANG DIBUAT OLEH TUNKU ABDUL RAHMAN, + JELASNYA.

BELIAU MENGULANGI SERUANNYA SUPAYA ANGGOTA UMNO SALING BEKERJASAMA SUPAYA UMNO TERUB MENJADI TUNGGAK KERAJAAN BARISAN NASIONAL.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN MEREKA KEPADA TUJUAN PENUBUHAN UMNO PADA 1946 UNTUK MENYATU-PADUKAN ORANG MELAYU DALAM PERTUBUHAN-PERTUBUHAN MELAYU NEGERI BAGI MEMPERJUANGKAN KEMERDEKAAN.

-- BERNAMA

0009MST 28 08 89